A

Johan bin Yeob Idris lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05–89 TAHUN 2008
AHMAD MAAROP, ABDUL MALIK ISHAK DAN HASAN LAH HHMR
3 OGOS 2011

C

Keterangan — Saksi — Kredibiliti — Versi bertentangan dalam keterangan berkaitan pemilikan dadah — Sama ada terdapat percanggahan material dalam keterangan saksi pendakwaan — Kebolehkepercayaan saksi pendakwa — Sama ada kredibiliti saksi-saksi terjejas — Sama ada melemahkan kes pendakwaan — Sama ada mahkamah bicara boleh, setelah menilai keterangan, menerima sebahagian darinya dan menolak yang lainnya

D

E

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — Pengedaran — Mengedar 843.8g kanabis — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Kes prima facie — Sama ada terbukti — Percanggahan dalam keterangan — Versi bertentangan dalam keterangan berkaitan pemilikan dadah — Sama ada menjejaskan kredibiliti saksi-saksi sehingga melemahkan kes pendakwaan — Sama ada manfaat keraguan (benefit of the doubt) hendaklah diberi kepada tertuduh — Sama ada hakim bicara gagal menimbangkan dengan sewajarnya kes pembelaan — Sama ada pemilikan dan pengetahuan tentang dadah dibuktikan — Sama ada pihak pendakwaan membuktikan kes terhadap tertuduh melampaui keraguan munasabah — Sama ada terdapat sebarang kesilapan atau salah arahan yang mewajarkan keputusan hakim bicara dibetulkan — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)(a)

F

G

Perayu ('Johan') telah dituduh mengedar dadah berbahaya, iaitu, 843.8g kanabis di kawasan hadapan Restoran Indah Selayang, suatu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya ('ADB'). Mahkamah Tinggi telah mendapati Johan bersalah, mensabitkannya dan menjatuhkan hukuman mati ke atasnya. Johan yang telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini telah menimbulkan hujah tentang perkara-perkara berikut: (i) percanggahan keterangan tentang pemilikan; dan (ii) kegagalan hakim bicara menilai dengan secukupnya kes pihak pembelaan. Secara alternatifnya peguam berhujah bahawa apa yang telah dibuktikan terhadap Johan bukanlah kesalahan mengedar dadah berbahaya tetapi hanyalah kesalahan pemilikan dadah berbahaya, satu kesalahan di bawah s 6 ADB dibaca bersama dengan s 39A(2) Akta yang sama. Persoalan dalam rayuan ini ialah sama ada pihak pendakwaan

H

I

telah membuktikan kes prima facie bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya tersebut terhadap Johan.

Diputuskan, menolak rayuan, mengesahkan sabitan dan hukuman mati:

(1) Keterangan oleh SP6 bahawa dia tidak nampak Johan membawa apa-apa di tangannya semasa dia naik kereta tidak boleh dibaca secara berasingan, tetapi hendaklah dipertimbangkan secara keseluruhan dengan keterangan SP6 yang diberikan selepas itu. Tambahan pula tiada apa-apa dalam keterangan SP6 yang menyatakan bahawa semasa Johan keluar dari kereta Wira, dia (Johan) tidak membawa apa-apa. Setelah menilai keterangan SP6, hakim bicara memutuskan untuk menerima keterangan SP2 dan SP5 tentang fakta bahawa Johan memegang beg kuning semasa keluar dari kereta Wira tersebut. Hakim bicara berhak membuat kesimpulan sedemikian (lihat perenggan 12).

(2) Kesemua elemen bagi pemilikan telah dibuktikan, dan seperti yang diputuskan oleh hakim bicara, pihak pendakwa telah membuktikan secara afirmatif pemilikan dadah berbahaya dalam kes ini oleh Johan (tanpa menggunakan anggapan di bawah s 37(d) ADB). Oleh kerana berat dadah berbahaya tersebut, iaitu, kanabis adalah 843.8 gram, maka anggapan di bawah s 37(da)(vi) ADB adalah terpakai, dan Johan hendaklah dianggap mengedar dadah berbahaya tersebut sehingga dibuktikan sebaliknya. Hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila beliau mendapati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie terhadap Johan seperti mana pertuduhan terhadapnya (lihat perenggan 20).

(3) Keputusan yang telah dibuat oleh hakim bicara itu bergantung kepada kebolehpercayaan saksi-saksi pihak pendakwaan (SP2 dan SP5) di satu pihak dan kebolehpercayaan Johan dan SD2 di satu pihak yang lain. Dalam perkara tentang kebolehpercayaan, Mahkamah Rayuan mesti menghormati pandangan hakim bicara terutama apabila seperti yang telah dilakukan dalam kes ini, beliau telah memberikan alasan-alasan yang meyakinkan dalam huraian beliau. Untuk mengubah keputusan hakim bicara yang telah dibuat berdasarkan kepada pengamatan beliau tentang kebolehpercayaan saksi-saksi yang telah dilihat dan didengar sendiri oleh beliau, Mahkamah Rayuan mestilah bukan sekadar berasa ragu-ragu tentang keputusan yang telah dibuat oleh hakim bicara itu, tetapi mesti yakin bahawa keputusan itu adalah salah (lihat perenggan 27).

[English summary

The appellant ('Johan') was charged with trafficking dangerous drugs, namely, 843.8g of cannabis in front of the Indah Selayang restaurant, an offence under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act ('DDA'). The High Court had found

A Johan guilty, convicted and sentenced him to death. Johan who had appealed to this court raised arguments concerning the following matters: (i) conflict of evidence of ownership, and (ii) failure of the trial judge to adequately assess the defence's case. Alternatively, learned counsel argued that what has been proven against Johan was not trafficking dangerous drugs but merely the offence of B drugs possession, an offence under s 6 of the DDA read conjunctively with s 39A (2) of the same Act. The question in this appeal is whether the prosecution had proven a prima facie case against Johan for the offence of trafficking dangerous drugs.

C **Held**, dismissing the appeal, affirming the conviction and death sentence:

(1) Evidence by SP6 that he did not see Johan carrying anything in his hand when he got in the car could not be read separately, but it must be considered as a whole with SP6's evidence that was given later. D Furthermore, nothing in SP6's evidence indicated that when Johan got out of the car, a Wira, he (Johan) did not carry anything. After evaluating the SP6's evidence, the trial judge decided to accept the evidences by SP2 and SP5 of the fact that Johan carried a yellow bag as he got out of the Wira. The trial judge was entitled to make such conclusions (see para 12).

E

(2) All the elements of possession had been proven, and as decided by the trial judge, the prosecution has to prove, in affirmative, possession of dangerous drugs in this case by Johan (without using the presumption under s 37(d) of the ADB). As the weight of the dangerous drug, namely F cannabis, was 843.8g, the presumption under s 37(da)(vi) of the DDA shall apply, and Johan must be assumed to have trafficked dangerous drug proven otherwise. The trial judge had made the right decision when he found that the prosecution had a established prima facie case against Johan as charged (see para 20).

G

(3) The decision made by the trial judge relied on the credibility of the prosecution's witnesses (SP2 and SP5) on one hand and the credibility of Johan and SD2, on the other. In the matter of reliability, the Court of Appeal must respect the views of the trial judge especially so, as had H happened in this case, the trial judge came up with convincing reasons in his elaboration. To vary the decision of the trial judge made based on his observations as to the credibility of witnesses seen and heard by him, the Court of Appeal must be not only skeptical about the decision made by the judge's discretion, but it must also be confident that the decision was I erroneous (see para 27).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kredibiliti, lihat 7(1)(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 3029–3086.

Untuk kes-kes mengenai pengedaran, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 191–274.

Kes-kes yang dirujuk

Adzhaar bin Ahmad & Anor v PP [1996] 4 MLJ 85, MT (dirujuk)
Aszahadi Abu Hassan v PP [2011] 6 CLJ 155, MR (dirujuk)
Dato' Mokhtar bin Hashim v PP [1983] 2 MLJ 232, MP (dirujuk)
Lim Yow Choon v PP [1972] 1 MLJ 205, MP (dirujuk)
Surentheran v PP [2006] 1 MLJ 141, MR; [2005] 2 CLJ 264 (dirujuk)

Legislation referred to

Akta Dadah Berbahaya ss 6, 37(d), 37(da), 37(da)(vi), 39A(2), 39B(1)(a), (2)
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 66

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45–39 Tahun 2005 (Mahkamah Tinggi Jenayah, Shah Alam)

Zamani Ibrahim (Zamani Ibrahim) bagi pihak perayu.
Siti Rafidah bt Zainuddin (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Ahmad Maarop HMR:

PERTUDUHAN

[1] Perayu — Johan bin Yeob Idris ('Johan') telah dituduh mengedar dadah berbahaya, iaitu, 843.8g cannabis pada 17 Mac 2004, lebih kurang jam 12.45 malam di kawasan hadapan Restoran Indah Selayang, Taman Sri Selayang, Gombak, Selangor, suatu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya ('ADB) yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama. Mahkamah Tinggi telah mendapati Johan bersalah, mensabitkannya dan menjatuhkan hukuman mati ke atasnya. Johan telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini.

KES PIHAK PENDAKWAAN

[2] Pada 17 Mac 2004, lebih kurang 11.45 malam, bertindak atas maklumat Ketua Inspektor Haris Faddila ('SP2') dan pasukannya yang terdiri dari 11 orang anggota telah berlepas ke tempat serbuan — di kawasan Restoran Sri Indah, No 18 Jalan Sri Selayang, Selayang, Selangor ('tempat kejadian'). Apabila sampai di kawasan restoran tersebut, SP2 dan anggota pasukannya telah mengambil tempat masing-masing. SP2, D/Koperal Mohamad Amran ('SP5'), D/L Zame, D/L/Koperal Mazwan, D/Surya Yusof dan D/Koperal Ramli pergi ke gerai berhadapan restoran tersebut. Anggota pasukan SP2 yang lain berada di sekitar kawasan restoran tersebut.

[3] Pada lebih kurang jam 12.45 pagi, SP2 nampak kereta Proton Wira Aeroback dengan nombor pendaftaran WHW 3730 ('kereta Wira') datang dengan keadaan yang mencurigakan kerana kereta itu datang dari arah lorong antara dua bangunan, masuk ke jalan sehala dan patah balik di jalan yang sama sedangkan jalan itu adalah jalan satu hala. Kereta itu kemudiannya berhenti dekat longkang. Ada dua orang lelaki dalam kereta tersebut.

[4] Selepas kereta Wira itu berhenti SP2 nampak seorang lelaki keluar dari salah satu gerai makan dan berjalan menuju ke arah kereta tersebut dan menghampirinya. Lelaki tersebut kemudiannya dicamkan sebagai Abd Rahim bin Ahmad ('Rahim'). Pada ketika itu keadaan di sekitar tempat kejadian adalah terang. Terdapat lampu jalan dan lampu di kaki lima kedai yang berhampiran.

[5] Selepas itu lelaki yang kemudiannya dicamkan di mahkamah sebagai Johan, keluar dari bahagian penumpang hadapan kereta Wira dengan memegang satu beg plastik berwarna kuning (beg kuning) dan menunggu kedatangan lelaki yang datang dari gerai tadi. Pemandu kereta Wira itu yang dicamkan dalam mahkamah sebagai Mohamad Rosidi bin Arshad ('SP6') pula keluar dan berdiri di sebelah kereta itu. Dengan menggunakan walkie-talkie, SP2 telah mengarahkan anggota pasukannya supaya bersedia untuk bertindak. Selepas itu SP2 telah meluru keluar dari gerai dan menjerit 'polis' kepada ketiga-tiga lelaki tersebut, iaitu, Johan, SP6 dan Rahim. Pada masa itu SP6 berada di sebelah kanan kereta itu, sementara Johan berada di hadapan kereta. Johan dan SP6 cuba melepaskan diri. Kedua-dua mereka telah lari lebih kurang 4–5 meter sebelum berjaya ditangkap. Rahim juga telah dapat ditangkap.

[6] Johan telah ditangkap oleh SP5 dan beg kuning yang dipegang oleh Johan telah dirampas darinya. Beg kuning itu telah diserahkan oleh SP5 kepada SP2. SP2 telah membuka beg kuning itu di hadapan Johan, SP6 dan Rahim. SP2 mendapati bahawa dalam beg kuning itu terdapat satu ketulan mampat yang disyaki dadah jenis *cannabis.*

[7] Ahli kimia kerajaan, Hjh Shadiah bt Mohammad ('SP3') telah mengesahkan bahawa ketulan mampat dalam beg kuning itu adalah *cannabis* seberat 843.82g — iaitu sejenis dadah berbahaya di bawah ADB.

[8] Di akhir kes pihak pendakwaan, Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie terhadap Johan dan memerintahkannya membela diri.

HUJAH PEGUAM JOHAN

[9] Di hadapan kami peguam yang mewakili Johan telah menimbulkan hujah tentang perkara-perkara berikut:

(a) percanggahan keterangan tentang pemilikan; dan

(b) kegagalan YA hakim bicara menilai dengan secukupnya kes pihak pembelaan.

[10] Secara alternatifnya peguam berhujah bahawa apa yang telah dibuktikan terhadap Johan bukanlah kesalahan mengedar dadah berbahaya tetapi hanyalah kesalahan pemilikan dadah berbahaya, satu kesalahan di bawah s 6 ADB dibaca bersama dengan s 39A(2) Akta yang sama.

KEPUTUSAN

[11] Berdasarkan kepada keterangan SP2, SP5, SP3 dan SP7, YA hakim bicara memutuskan bahawa beg kuning dan ketulan mampat yang dikemukakan di mahkamah adalah beg kuning dan ketulan mampat yang dirampas dari Johan pada malam kejadian. Beliau juga berpuas hati bahawa ketulan mampat tersebut adalah cannabis seberat 843.8g, iaitu dadah berbahaya di bawah ADB. Kami bersetuju dengan dapatan-dapatan beliau itu. Persoalan dalam rayuan ini ialah sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya tersebut terhadap Johan. Ini membawa kami kepada hujah peguam Johan.

PERCANGGAHAN KETERANGAN TENTANG PEMILIKAN

[12] Ini adalah hujah utama peguam Johan. Peguam berhujah bahawa terdapat percanggahan dalam keterangan SP6 dengan keterangan SP2 dan SP5 tentang pemilikan dadah berbahaya. Menurut peguam Johan, dari keterangan SP2 dan SP5 Johan telah keluar dari kereta Wira itu dengan memegang beg plastik kuning. Tetapi menurut peguam, dalam keterangannya SP6 menyatakan bahawa dia tidak nampak Johan membawa apa-apa di tangannya semasa dia (Johan) naik kereta Wira. SP6 sendiri pun tidak membawa ganja atau apa-apa bungkusan pada malam itu. Jika semasa naik kereta Johan tidak membawa apa-apa, bagaimana dia boleh dikatakan memegang beg plastik kuning semasa keluar dari kereta Wira. Peguam berhujah bahawa YA hakim bicara telah tersilap kerana telah tidak mempedulikan keterangan SP6 itu. Menurut peguam, YA hakim juga gagal menimbangkan fakta bahawa SP6 berada dengan Johan dalam kereta selama lebih kurang 15 minit sebelum Johan keluar dari kereta itu. Peguam berhujah bahawa dalam keadaan di mana pihak pendakwa mengemukakan dua set keterangan yang bercanggah mahkamah tidak mempunyai keterangan yang boleh dipercayai untuk dijadikan asas sabitan. Peguam menyatakan bahawa dalam keadaan sedemikian manfaat keraguan (*benefit of the doubt*) hendaklah diberi kepada Johan. Untuk menyokong hujahnya, peguam merujuk kepada kes *Adzhaar bin Ahmad & Anor v Public Prosecutor* [1996] 4 MLJ 85, di mana mahkamah menyatakan:

By introducing P15A and B, the prosecution had without doubt, led two sets of evidence which were contradictory with each other. What then would be the effect of such contradiction? It would inevitably show that the evidence is unreliable and the result is that the court would be left with no trustworthy evidence upon which the conviction could be based. My finding finds support in the case of *Public Prosecutor v Lee Eng Kooi* [1993] 2 MLJ 322. The learned Vincent Ng JC (as he then was) in the course of his judgment at p 333 had this to say:

> The function of the court in a criminal trial is to find whether the person arraigned before it as the accused is guilty of the offence with which he is charged. For this purpose, the court scans the material on record to find whether there is any reliable and trustworthy evidence upon the basis of which it is possible to found the conviction of the accused and to hold that he is guilty of the offence with which he is charged. If in a case the prosecution leads two sets of evidence, each one of which contradicts and strikes at the other and shows it to be unreliable, the result would necessarily be that the court would be left with no reliable and trustworthy evidence upon which the conviction of the accused might be based. Inevitably, the accused would have the benefit of such a situation.

[13] Kami tidak dapat menerima hujah tersebut. Dalam pandangan kami keadaan keterangan kes pihak pendakwaan seperti yang dihujahkan itu tidak semestinya membawa padah kepada kes pihak pendakwaan. Kedudukan undang-undang tentang percanggahan di antara keterangan-keterangan dalam kes pihak pendakwaan telah dijelaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Lim Yow Choon v Public Prosecutor* [1972] 1 MLJ 205. Dalam kes *Lim Yow Choon v Public Prosecutor* [1972] 1 MLJ 205 dua persoalan undang-undang seperti berikut telah dikemukakan di bawah s 66 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 untuk keputusan Mahkamah Persekutuan:

(a) sama ada mahkamah patut mengambil kira percakapan beramaran orang kena tuduh yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan sebagai eksibitnya sebelum kes pendakwaan ditutup sebagai sebahagian dari kes pihak pendakwaan apabila mahkamah mempertimbangkan sama ada hendak memanggil orang kena tuduh membela diri atau tidak; dan

(b) jika percakapan amaran itu dikira sebagai sebahagian dari kes pihak pendakwaan, sama ada di akhir kes pihak pendakwaan mahkamah patut memutuskan bahawa tiada kes yang perlu dijawab oleh orang kena tuduh memandangkan terdapat percanggahan di antara percakapan beramaran itu dengan keterangan lain pihak pendakwaan?.

Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa percakapan beramaran yang dirujuk dalam soalan pertama itu mestilah dikira sebagai sebahagian dari kes pihak pendakwaan. Sehubungan dengan soalan kedua, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa walaupun percakapan amaran tersebut adalah sebahagian dari kes pihak pendakwaan, dan walaupun ada fakta-fakta dalam percakapan itu yang bertentangan dengan keterangan lain pihak

pendakwaan, tidak semestinya dalam keadaan kes itu, mahkamah bicara mesti membebaskan orang kena tuduh itu atas percanggahan itu sahaja. Selaku hakim soal-soal fakta, mahkamah bicara boleh, setelah menilai keterangan itu, menerima sebahagian darinya dan menolak yang lainnya. Dalam penghakimannya Azmi KHN menyatakan:

> In reference to the second question, we are of the view that notwithstanding that the cautioned statement was part of the evidence for the prosecution, and that there are facts in the cautioned statement which appear to contradict other parts of the evidence led by the prosecution, *it was still open to the trial court as a judge of facts to assess the evidence and in so doing accept part of it and reject the rest.* It would not necessarily follow as a matter of law, that in the circumstances of the case, the trial court should acquit the appellant at the close of the case for the prosecution by reason of such contradictory evidence in the case for the prosecution. (Penekanan ditambah.)

[14] Pada hemat kami pendekatan seperti yang dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan itulah yang telah digunakan oleh YA hakim bicara dalam kes ini. Beliau telah menilai keterangan SP6 dan menimbangkannya dengan keterangan SP2 dan SP5. Pada hari kejadian SP6 memandu kereta Wira yang dipunyai oleh emaknya, Hanifah bt Hj Ibrahim. Keterangan SP6 sebenarnya menyokong keterangan SP2 dan SP5 tentang fakta bahawa setelah kereta tersebut berhenti, Johan yang duduk di tempat duduk penumpang sebelah SP6 (yang memandu kereta Wira itu), telah turun dari kereta dan SP6 pula keluar dari tempat duduk pemandu. Apa yang menjadi persoalan ialah sama ada semasa Johan turun dari kereta tersebut dia memegang beg kuning seperti yang dinyatakan oleh SP2 dan SP5 dalam keterangan mereka. Pada hemat kami keterangan SP6 bahawa dia tidak nampak Johan bawa apa-apa di tangannya semasa dia naik kereta tidak boleh dibaca secara berasingan, tetapi hendaklah dipertimbangkan secara keseluruhan dengan keterangan SP6 yang diberikan selepas itu:

> Saya tak nampak Johan bawa apa-apa di tangannya semasa dia naik kereta saya. Masa itu lampu dalam kereta tak menyala. Gelap. Saya tak ada beri perhatian kepada Johan.

[15] Setelah menimbangkan keterangan SP6 itu secara keseluruhannya YA hakim bicara memutuskan bahawa:

> Walaupun SP6 menyatakan bahawa tertuduh tidak dilihatnya memegang apa-apa di tangannya semasa dia melihat tertuduh pada malam itu, SP6 juga mengatakan bahawa keadaan gelap pada malam itu, lampu dalam kereta tidak menyala, dan SP6 juga tidak memberi perhatian kepada tertuduh.

[16] Dalam pengamatan kami YA hakim bicara tidak membuat kesilapan

dalam membuat kesimpulan yang sedemikian itu. Tambahan pula kami mendapati bahawa tiada apa-apa dalam keterangan SP6 yang menyatakan bahawa semasa Johan keluar dari kereta Wira dia (Johan) tidak membawa apa-apa. Malahan dalam keterangannya SP6 menyatakan:

> *Saya tak beri perhatian kepada Johan semasa dia keluar sebab saya nak tutup lampu kereta.* Masa itu saya parking melintang dekat tiang, luar petak parking.
>
> Sebenarnya tempat itu tempat U-turn.
>
> *Masa itu dalam keadaan samar gelap.*
>
> Saya tak pasti sama ada ada lampu jalan.
>
> Lampu dekat tiang lampu tempat saya parking malap masa itu.
>
> Selepas itu saya keluar dari kereta. Tak sampai satu minit selepas Johan keluar.
>
> *Saya tak nampak apa-apa. Dia turun pun saya tak nampak*.

[17] Setelah menilai keterangan SP6 YA hakim bicara memutuskan untuk menerima keterangan SP2 dan SP5 tentang fakta bahawa Johan memegang beg kuning semasa keluar dari kereta Wira itu:

> Oleh yang demikian, keterangan SP5 tentang tertuduh memegang beg kuning itu dengan tangan kirinya dan keterangan SP2 yang mengatakan dia melihat Tertuduh memegang beg kuning itu tatkala tertuduh keluar dari kereta Wira itu perlu saya terima.

[18] Dalam penghakiman kami, YA hakim bicara berhak membuat kesimpulan yang sedemikian. Sehubungan ini dalam kes *Dato Mokhtar bin Hashim v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232 di ms 275–276, Abdoolcader HMP menyatakan:

> The Privy Council said in *Caldeira v Gray* that the functions of an appellate court, when dealing with a question of fact, and a question of fact in which questions of credibility are involved, are limited in their character and scope, and that in an appeal from a decision of a trial judge based on his opinion of the trustworthiness of witnesses whom he has seen, an appellate court must in order to reverse, not merely entertain doubts whether the decision below is right but be convinced that it is wrong. We feel that the following passage (at p 138) from the judgment of the Board in that case delivered by Lord Alness bears citation in extenso:
>
> The appellant is exercising a right of appeal which is his by right, and Their Lordships recognise that they cannot merely because the question is one of fact, and because it has been decided in one way by the learned trial judge abdicate their duty to review his decision, and to reverse it, if they deem it to be wrong. Nonetheless, the functions of a Court of Appeal, when dealing with a questions of fact, and a question of fact, moreover, in which, as here, questions of credibility are involved, are limited in their character and scope.

This is familiar law. It was received many illustrations — and, in particular in the House of Lords —, the most recent of these being the case of *Powell and Wife v Streatham Manor Nursing Home,* [1935] AC 243; 104 LJ KB 304; 152 LT 563; 79 SJ 179; TLR 289. In that case it was held that:

Where the judge at the trial has come to a conclusion upon the question which of the witnesses, whom he has seen and heard, are trustworthy and which are not, he is normally in a better position to judge of this matter than the appellate tribunal can be: and the appellate tribunal will generally defer to the conclusion which the trial judge has formed.

Lord Wright, in the course of his speech, said:

Two principles are beyond controversy. First it is clear, that, in an appeal of this character, that is from the decision of a trial judge based on his opinion of the trustworthiness of witnesses whom he has seen, the Court of Appeal 'must, in order to reverse, not merely entertain doubts whether the decision below is right, but be convinced that it is wrong. (Penekanan ditambah.)

[19] Berdasarkan kepada keterangan SP5 tentang Johan memegang beg kuning itu dengan tangan kirinya dan keterangan SP2 yang menyatakan dia nampak Johan memegang beg kuning itu semasa Johan keluar dari kereta Wira itu, YA hakim bicara membuat dapatan bahawa Johan mempunyai kawalan dan jagaan dadah berbahaya dalam beg kuning tersebut. Mengenai pengetahuan pula, dalam hampir setiap kes, pembuktian tentang elemen ini adalah melalui inferens dari fakta-fakta dan keadaan yang telah terbukti. Dalam menimbangkan sama ada elemen pengetahuan telah dibuktikan, adalah penting mahkamah menimbangkan keadaan sekeliling misalnya dari mana dadah itu dijumpai, bagaimana ia dijumpai, bagaimana ianya disimpan, berat dadah itu dan sebagainya (lihat *Surentheran v Public Prosecutor* [2006] 1 MLJ 641; [2005] 2 CLJ 264, *Aszahadi Abu Hassan v Public Prosecutor* [2011] 6 CLJ 155). Sehubungan ini dalam penghakimannya YA hakim bicara menyatakan:

48. Barang kes dalam kes ini dikatakan oleh SP2, SP3, SP5 dan SP7 merupakan ketulan daun-daun kering yang dibaluti plastik lutsinar. Menurut SP3, ketulan itu diikat dengan tali rafia di bahagian dalam, iaitu di bawah balutan plastik lutsinar.

49. Daripada keterangan SP2, SP5 dan SP7, jelas bahawa barang kes itu tidak dibungkus dengan apa-apa cara lain dan hanya diletakkan begitu sahaja di dalam beg kuning yang berkenaan. Daun-daun kering di dalam plastik lutsinar itu memang dapat dilihat oleh seseorang yang melihat ke dalam beg kuning itu.

50. Menurut keterangan SP5, walaupun dia tidak memeriksa kandungan beg kuning itu, dia boleh nampak 'di dalam beg plastik warna kuning satu bungkusan plastik lutsinar' dan memberitahu SP2 apa yang dia nampak itu.

51. SP2 pula mengatakan bahawa 'Ketulan mampat itu disaluti plastik lutsinar. Boleh nampak kandungan ketulan mampat itu dalam beg plastik kuning itu'.

52. SP7 mengatakan bahawa —

Ketulan mampat itu dibalut dengan plastik jernih dan dalam keadaan baik.

Boleh nampak bahan tumbuhan mampat di dalamnya.

53. Keterangan SP2, SP5 dan SP7 disokong oleh keterangan SP3 yang mengatakan bahawa dia menerima sampul surat bertanda 'FF' daripada SP7 dan telah membuka sampul itu serta —

… mendapati di dalamnya satu beg plastik kuning bertanda 'A' yang berisi satu bungkusan plastik jernih bertanda 'B'.

Di dalam bungkusan plastik 'B' itu ada satu blok mampat bahan tumbuhan yang diikat dengan tali rafia.

54. Plastik kuning yang dirampas daripada tertuduh pula merupakan plastik kuning seperti yang dapat dilihat dalam gambar P15(1), iaitu yang terbuka di bahagian atas dan bertelinga. Ketulan mampat yang dibaluti plastik lutsinar itu pula adalah seperti yang ditunjukkan dalam gambar P15(2). Ini jelas daripada keterangan saksi-saksi yang melihat beg kuning dan barang kes itu dalam bentuk asalnya.

DAPATAN

55. Kesemua keterangan itu menunjukkan bahawa seseorang yang memegang beg kuning itu dengan barang kes di dalamnya tidak boleh tidak tentu tahu tentang kandungan barang kes itu dan tahu bahawa ketulan mampat daun-daun kering itu adalah ganja, yakni cannabis.

56. Oleh yang demikian, saya berpuas hati bahawa dalam keadaan tertuduh dilihat keluar dari kereta Wira dengan memegang beg kuning itu dan dengan keadaan Barang Kes dalam beg kuning itu seperti yang diperihalkan oleh SP2, SP5, SP3 dan SP7, dan yang dapat dilihat dari gambar P15(1) dan (2), maka telah dibuktikan secara prima facie bahawa tertuduh tahu bahawa barang kes dalam beg kuning itu adalah cannabis.

[20] Kami bersetuju dengan dapatan yang dibuat oleh YA hakim bicara itu. Ini bererti bahawa kesemua elemen bagi pemilikan telah dibuktikan, dan seperti yang diputuskan oleh YA hakim bicara, pihak pendakwa telah membuktikan secara afirmatif pemilikan dadah berbahaya dalam kes ini oleh Johan (tanpa menggunakan anggapan di bawah s 37(d) ADB). Oleh kerana berat dadah berbahaya tersebut, iaitu, cannabis adalah 843.8g, maka anggapan di bawah s 37(da)(vi) ADB adalah terpakai, dan Johan hendaklah dianggap mengedar dadah berbahaya tersebut sehingga dibuktikan sebaliknya.

[21] Kami berpuas hati bahawa YA hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila beliau mendapati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie terhadap Johan seperti mana pertuduhan terhadapnya. Ini bererti kami menolak hujah alternatif peguam Johan bahawa kesalahan yang terbukti terhadapnya hanyalah pemilikan dadah berbahaya di

bawah s 6 ADB dibaca bersama dengan s 39A(2) ADB.

KEGAGALAN YA HAKIM BICARA MENILAI KES PIHAK PEMBELAAN

[22] Peguam berhujah bahawa YA hakim bicara gagal menimbangkan dengan secukupnya kes pihak pembelaan.

[23] Johan telah memberikan keterangan secara bersumpah dan memanggil Rahim (SD2) untuk memberikan keterangan bagi pihak pembelaan.

[24] Intipati keterangan Johan adalah seperti berikut. Pada 16 Mac 2004 lebih kurang jam 10.30 malam dia keluar dari rumahnya dan berjalan kaki untuk pergi makan. Ketika dia sedang berjalan, secara kebetulan SP6 lalu dengan keretanya (kereta Wira). SP6 telah memberhentikan kereta. Setelah mengetahui bahawa Johan hendak pergi makan, SP6 telah mengajak Johan menumpang keretanya kerana dia (SP6) juga hendak pergi makan. Selepas Johan masuk kereta itu, SP6 mengajaknya pergi ke kedai yang baru dibuka di sebelah Pasaraya Warta. Apabila Johan bertanya kenapa jauh sangat, SP6 berkata dia (SP6) hendak berjumpa kawannya — Sham yang tidak dikenali oleh Johan. Kemudian, setelah mereka masuk ke kawasan Taman Sri Selayang, tiba-tiba SP6 memberhentikan kereta Wira yang dipandunya dan mematikan enjinnya. Selepas SP6 memberitahu Johan supaya menunggu sekejap, SP6 turun dari kereta lalu berjalan ke arah belakang kereta. Menurut Johan, pada masa itu dia masih duduk di tempat penumpang bahagian hadapan kereta sambil menghisap rokok. Tiba-tiba Johan mendengar bunyi seperti orang menutup 'bonet' kereta. Johan menoleh ke belakang dan nampak SP6 yang menutup but kereta itu. Kemudian Johan nampak SP6 berjalan ke tepi kereta di sebelah tempat Johan duduk dan menghala ke arah sebuah kereta Proton Satria ('kereta Satria') berwarna biru, sambil memegang satu bungkusan. Setelah SP6 hampir dengan kereta Satria itu, tiba-tiba seorang lelaki keluar dari kereta Satria dan menyerbu ke arah SP6. Terjadi satu pergelutan. Pada masa yang sama, ada seorang lelaki lagi datang dari arah gerai berjalan menuju ke kereta Satria. Johan nampak beberapa orang lelaki mengejar lelaki yang datang dari gerai itu. Tiba-tiba seorang lelaki datang ke kereta Wira dan dengan kasar membuka pintu dan menarik Johan keluar dari kereta Wira. Johan tanya 'Apa ni?' lelaki itu jawab, 'polis'. Johan telah digari. Johan nampak SP6 juga digari. Selepas itu Johan, SP6 dan Rahim yang juga turut digari, telah dibawa ke belakang sebuah van. Menurut Johan, Rahim bukanlah lelaki yang dilihatnya datang dari arah gerai tadi. Selepas dia digari, Johan ada bertanya polis mengapa dia ditangkap. Polis itu menjawab 'ada dadah'. Polis itu memegang satu beg plastik dan menyatakan 'Ini dadah'. Polis itu tidak menunjukkan isi kandungan beg itu kepada Johan.

[25] Intipati keterangan SD2 pula adalah seperti berikut. Pada malam 16 Mac 2004 lebih kurang jam 10 malam SD2 keluar dengan menaiki motosikal untuk minum di kawasan Warta Lama di Selayang. Gerai tempat SD2 minum itu ialah gerai yang terdahulu ditunjukkan oleh SP6 dan Johan sebagai gerai yang hendak mereka tujui pada malam itu. Menurut SD2, semasa dia berada di gerai itu, ada seorang bernama Sham datang dengan kawannya dan duduk selama lebih kurang 10 minit. Kemudian Sham terus bangun lari dan terus hilang dari situ. SD2 pula telah ditangkap dan digari. Selepas digari SD2 dibawa ke tempat kejadian. Tempat yang dimaksudkan oleh SD2 ialah tempat di mana semasa dia sedang ditangkap di dalam gerai, dia nampak satu pergelutan di luar kereta Wira yang melibatkan lima hingga enam orang. Menurut SD2, dia melihat satu tangkapan dibuat di luar kereta Wira itu, sementara satu lagi tangkapan berlaku dalam kereta di mana seorang lelaki telah ditarik keluar dari bahagian penumpang hadapan kereta Wira itu. Selepas tangkapan, baru SD2 mengetahui bahawa orang yang ditangkap di luar kereta itu bernama Rashidi (SP6). SD2 menyatakan bahawa orang yang ditarik keluar itu ialah Johan, iaitu, kawan baiknya yang telah dikenali oleh SD2 selama dua tahun sebelum hari kejadian. Menurut SD2 semasa Johan ditarik keluar dari dalam kereta dia tidak nampak apa-apa di tangan Johan.

[26] Jadi, intipati pembelaan Johan ialah semasa dalam perjalanan hendak pergi makan dengan kereta yang dipandu oleh SP6, tiba-tiba SP6 memberhentikan keretanya. Selepas memberitahu Johan supaya menunggu sekejap, SP6 turun dari kereta dan berjalan ke arah belakang kereta. Johan terus berada di dalam kereta. Johan dengar bunyi seperti orang menutup 'bonet' kereta. Johan toleh ke belakang dan nampak SP6 menutup but kereta itu. Selepas itu Johan nampak SP6 berjalan ke arah sebuah kereta Satria, sambil memegang satu bungkusan. Setelah SP6 hampir dengan kereta Satria itu, SP6 telah diserbu oleh seorang lelaki yang keluar dari kereta Satria itu lalu terjadi satu pergelutan. Kemudian seorang lelaki datang ke kereta Wira dan menarik Johan keluar dari kereta Wira. Keterangan SD2 nampaknya dikemukakan untuk menyokong keterangan Johan. Dalam penilaiannya terhadap kes pihak pembelaan, YA hakim bicara mendapati terdapat percanggahan yang serius di antara keterangan Johan dan keterangan SD2. Pertama, dalam keterangannya Johan menyatakan bahawa SP6 memberhentikan kereta Wira di tempat kejadian kerana SP6 hendak berjumpa 'Sham' yang menurut SP6 tidak dikenali oleh Johan. Ini bercanggah dengan keterangan SD2 yang menunjukkan bahawa yang hendak bertemu dengan 'Sham' bukanlah SP6 tetapi Johan. Kedua, dalam keterangannya Johan menyatakan bahawa kali terakhir dia bertemu dengan SD2 ialah lebih kurang dua minggu sebelum kejadian. Ini bercanggah dengan keterangan SD2 yang mengakui bahawa pada 16 Mac 2004 di antara jam 5 hingga 6 petang (iaitu petang sebelum hari kejadian) dia telah bertemu dengan Johan di gerai berhampiran tempat Johan bekerja. Apa yang lebih penting ialah bahawa bertentangan dengan keterangan Johan (bahawa SP6 yang hendak berjumpa dengan Sham), dalam

keterangannya SD2 mengakui bahawa dia datang pada malam kejadian itu untuk memperkenalkan Sham dengan Johan. Keterangan SD2 juga menunjukkan bahawa pertemuan Johan dengan Sham telah dirancang lebih awal. Selain itu YA hakim bicara juga mendapati bahawa SD2 mengakui bahawa dia duduk di dalam gerai yang paling hujung, yang di kanan sekali seperti dalam gambar P15(9), sedangkan tempat di dalam gambar P15(8) yang ditunjukkan oleh Johan dan SD2 sendiri sebagai tempat tangkapan terletak lebih kurang selang dua atau tiga kedai (jika dilihat di bumbung yang melengkung di kiri gambar P15(8)). Setelah meneliti keterangan SD2 dan membandingkannya dengan keterangan SP2, SP5 dan Johan, YA hakim bicara mendapati dari tempat yang SD2 sendlrl menyatakan dia duduk pada malam itu adalah mustahil untuk SD2 melihat apa yang terjadi semasa Johan ditangkap, termasuk sama ada Johan ditarik keluar atau sama ada Johan memegang sebarang bungkusan semasa dia didakwa ditarik keluar.

[27] Kami mendapati bahawa YA hakim bicara telah menimbangkan dengan secukupnya kes pihak pembelaan. Setelah meneliti keterangan Johan dan SD2 dan menilainya dengan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, YA hakim bicara berpuas hati bahawa tidak wujud sebarang keraguan yang munasabah tentang pemilikan sebenar oleh Johan akan *cannabis* yang menjadi hal perkara pertuduhan terhadapnya. Beliau juga mendapati bahawa pihak pembelaan juga gagal atas imbangan kebarangkalian, mematahkan anggapan pengedaran yang berbangkit di bawah s 37(da) ADB. Keputusan yang telah dibuat oleh YA hakim bicara itu bergantung kepada kebolehpercayaan saksi-saksi pihak pendakwaan (SP2 dan SP5) di satu pihak dan kebolehpercayaan Johan dan SD2 di satu pihak yang lain. Dalam perkara tentang kebolehpercayaan, kami mesti menghormati pandangan YA hakim bicara terutama apabila seperti yang telah dilakukan dalam kes ini, beliau telah memberikan alasan-alasan yang meyakinkan dalam huraian beliau. Untuk mengubah keputusan YA hakim bicara yang telah dibuat berdasarkan kepada pengamatan beliau tentang kebolehpercayaan saksi-saksi yang telah dilihat dan didengar sendiri oleh beliau, Mahkamah Rayuan mestilah bukan sekadar berasa ragu-ragu tentang keputusan yang telah dibuat oleh YA hakim bicara itu, tetapi mesti yakin bahawa keputusan itu adalah salah (lihat *Dato Mokhtar bin Hashim v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232 di ms 275, Mahkamah Persekutuan). Dalam pengamatan kami YA hakim bicara telah tidak membuat kesilapan dalam membuat keputusan tersebut. Adalah jelas kepada kami bahawa versi dalam keterangan pihak pembelaan adalah bertentangan dengan versi yang dikemukakan oleh keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan. Bertentangan dengan keterangan SP2 dan SP5 yang menyatakan apabila kereta Wira berhenti Johan telah keluar dari kereta Wira memegang beg plastik kuning (yang kemudiannya didapati berisi satu ketulan mampat *cannabis*), Johan menyatakan bahawa yang keluar dari kereta itu bukan dia tetapi SP6 yang selepas membuka but kereta itu telah berjalan ke arah sebuah kereta Satria, sambil memegang satu bungkusan. Kemudian seorang lelaki telah

keluar dari kereta Satria itu dan menyerbu ke arah SP6 lalu terjadi pergelutan. Selepas itu dia (Johan) pula ditarik keluar dari dalam kereta itu oleh polis. Keterangan Johan itu membawa implikasi bahawa SP2 dan SP5 telah berpakat jahat untuk menganiaya Johan dengan memberi keterangan palsu bahawa apabila kereta itu berhenti Johan telah keluar dari kereta Wira dengan membawa beg plastik kuning yang berisi *cannabis*. Tiada terdapat sebarang keterangan yang menunjukkan bahawa Johan mengenali mana-mana dari anggota polis yang menangkapnya. Tidak juga terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa Johan telah bergaduh atau mempunyai sebarang masalah dengan mana-mana dari anggota polis tersebut. Dalam keadaan yang sedemikian tidak ada sebarang sebab yang munasabah bagi anggota-anggota polis tersebut hendak menganiaya Johan. Jika yang keluar dari kereta dengan bungkusan ialah SP6 tidak ada sebarang sebab kenapa mereka hendak menganiaya Johan dengan memberikan keterangan palsu.

[28] Setelah menimbangkan sendiri kesemua keterangan dalam kes ini seperti yang terdapat dalam rekod rayuan, dan setelah meneliti penghakiman YA hakim bicara kami memutuskan bahawa tidak terdapat sebarang kesilapan atau salah arahan yang mewajarkan keputusan YA hakim bicara dibetulkan. Kami berpuas hati bahawa sabitan dan hukuman terhadap Johan adalah selamat.

[29] Oleh itu rayuan Johan ditolak. Sabitan dan hukuman mati terhadapnya dikekalkan.

Rayuan ditolak, sabitan dan hukuman mati dikekalkan.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed